

# Kumpulan Regiment Universiti Malaysia Sabah raih Anugerah Emas

UM 18.07.2012 26

KOTA KINABALU 17 Julai - Projek inovasi yang diberi nama 'Proses Penerimaan Borang Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Mengambil Masa Yang Panjang' membawa tuah kepada kumpulan Regiment dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila menerima Anugerah Emas pada Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah 2012.

Ketua kumpulan, Alna Tugon berkata, kejayaan itu membuktikan usaha selama setahun yang diambil bagi mencipta dan menghasilkan sistem itu tidak sia-sia.

"Kami berbangga dapat meraih emas sekali gus mengharumkan nama Sabah dan UMS dalam konvensyen tersebut baru-baru ini," katanya.

Mengenai sistem itu, Alna berkata, ia direka bertujuan melancarkan tugas yang dilaksanakan oleh jabatan akademik dan bukan akademik di UMS.

Katanya, sebelum ini pihak UMS menggunakan sistem manual seperti mengisi, mengedgar dan mengutip borang termasuk dalam urusan pemberian gaji, penyelaras gaji, kenaikan pangkat dan anugerah perkhidmatan cemerlang.

"Tetapi dengan adanya sistem ini, segala urusan berkaitan dilakukan secara dalam talian. Ia sangat mudah dan menjimatkan masa. Kerja boleh disiapkan dalam masa



**KUMPULAN** Regiment (duduk) dan Eureka Hrd Solution menunjukkan Anugerah Emas dan Perak yang dimenangi pada Konvensyen KIK peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah 2012 di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

sehari berbanding enam bulan menggunakan sistem lama," ujarnya.

Alna berkata, keseluruhan program itu dibangunkan dalam tempoh setahun bermula dari Mei 2010 dan

ia mula dilaksanakan pada Oktober 2010 dengan kos RM9,750.

Selain Alna, kumpulan Regiment

dilwakili oleh Noor Hapipah Samat, Stella@Nurul Martini Gontol, Awang Jamaluddin Jumat, Moham-

mad Asly Buncho, Emily Singan, Shahzaryl Latif, Leopold Modies Falix, Patricia Joseph dan Anisah Awang manakala Luqman Ridha Anwar bertindak sebagai fasilitator.

Pada konvensyen itu yang berlangsung di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak pada 11 dan 12 Julai lalu, UMS turut meraih Anugerah Perak menerusi kumpulan Eureka Hrd Solution yang menghasilkan projek bertajuk 'Kelewatian Penghantaran Laporan Kemajuan Kaktangan Akademik Yang Sedang Cuti Belajar'.

Kumpulan Eureka Hrd Solution diketuai Syahrul Hazizi Asmat bersama tujuh ahli iaitu Joehan Johari William, Abd. NawiNgah, Adrian Amatus, Mohd. Afiz Mabni@Matbee, Jennifer Fan, Marliana John dan Noorazian Saili manakala Fasilitator, Suhamiee Sahabuddin.

Penilaian persempahan berdasarkan pengenalan, pemilihan dan definisi projek, analisis terhadap peluang penambahan, pelaksanaan cadangan kreatif dan inovatif, pemantauan dan penyeragaman, pencapaian dan penciptaan nilai serta persempahan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan.